

Pegawai KKM perlu jaga etika guna media sosial

Tindakan tatatertib akan dikenakan jika sabit kesalahan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Setiap pegawai yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan (KKM) perlu menjaga batas penggunaan media sosial bagi mengelak dikenakan tindakan tatatertib.

Ketua Setiausaha KKM, Datuk Mohd Shafiq Abdullah, berkata

kementerian memandang serius salah laku dalam penggunaan media sosial dan kecenderungan pegawai membuat kenyataan tidak wajar.

Katanya, setiap kes diadukan atau dikenal pasti sekiranya sabit kesalahan, hukuman tatatertib akan dikenakan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

"KKM merujuk kepada edaran pernyataan awam yang tersebar dalam media sosial mengenai pelaksanaan pemberian vaksin yang kononnya ditulis oleh petugas kesihatan KKM.

"Selaras prinsip perkhidmatan dan peraturan berkaitan tatatertib, setiap penjawat awam ditegah membuat pernyataan se-

cara langsung atau tidak langsung menyentuh pelaksanaan dasar awam, program dan keputusan kerajaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran.

"Kenyataan yang tidak wajar dan dibuat tanpa usul periksa bukan sahaja menjejaskan imej pegawai sebagai penjawat awam, malah boleh menyebabkan kekeliruan dan kegelisahan dalam masyarakat serta menjejaskan kredibiliti perkhidmatan awam dan kerajaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Shafiq berkata, peraturan berkaitan dengan etika dan tata kelakuan dalam perkhidmatan awam menggunakan media sosial serta tegahan membuat penyata-

an itu bukan bertujuan menghalang mana-mana pegawai untuk bersuara.

"Ja sebaliknya lebih kepada memastikan pegawai menggunakan saluran maklum balas dan aduan yang betul serta menjaga imej dan kredibiliti pegawai, perkhidmatan awam dan kerajaan," katanya namun tidak menyatakan jenis pernyataan atau pegawai yang dimaksudkannya.

Sebelum ini, beberapa pegawai yang didakwa berkhidmat dengan KKM dilihat memuat naik status berkaitan isu 'potong barisan' yang dilakukan oleh beberapa individu untuk mendapatkan suntikan vaksin sebelum petugas barisan hadapan.



Setiap kes yang diadukan atau dikenal pasti sekiranya sabit kesalahan, hukuman tatatertib akan dikenakan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

Mohd Shafiq Abdullah,
Ketua Setiausaha KKM